



SLOGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

**"BIJAK LAKSANA TUAH,
BERANI LAKSANA JEBAT"**

TONGGAK 11



Kandungan

| | |
|-----------------------------------------------------|----|
| 1. Sekapur Sirih YAB Ketua Menteri Melaka | 1 |
| 2. Seulas Pinang YB Setiausaha Kerajaan Negeri..... | 2 |
| 3. Pendahuluan | 3 |
| 4. Bijak Laksana Tuah | 5 |
| 5. Berani Laksana Jebat..... | 11 |
| 6. Tonggak 11 | 17 |
| 7. Naratif Khusus Tonggak 11 Bijak..... | 21 |
| 8. Naratif Khusus Tonggak 11 Berani | 27 |
| 9. Rumusan | 34 |



Sekapur Sirih
YAB KETUA MENTERI MELAKA
DATUK SERI AB RAUF BIN YUSOH

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, buku slogan Kerajaan Negeri Melaka **BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT** berjaya diterbitkan. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak khususnya Pejabat Ketua Menteri Melaka, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan Institut Tun Perak yang berusaha menerbitkan buku ini untuk dijadikan panduan kepada seluruh penjawat awam serta rakyat Melaka secara keseluruhannya.

Buku ini membicarakan naratif slogan baharu Kerajaan Negeri Melaka yang diinspirasikan daripada dua tokoh hulubalang hebat iaitu Hang Tuah dan Hang Jebat semasa pentadbiran Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka, yang diolah berdasarkan kesesuaian masa kini. Ia diharap dapat memberikan suntikan semangat baharu kepada seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri bagi menjadikan Negeri Melaka lebih progresif dan dinamik.

Terdapat nilai-nilai yang terpuji dalam slogan **BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT** yang dikenali sebagai **TONGGAK 11**. Harapan saya agar buku ini dapat menjadi panduan kepada semua penjawat awam seiring dengan visi, misi dan hala tuju pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

Agenda pembangunan Negeri Melaka dan kemajuan dalam semua sektor sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan tanpa mengenepikan nilai-nilai sejarah, warisan, adat mahupun keunikan budaya masyarakat tempatan. Semoga kebijaksanaan dan keberanian Hang Tuah dan Hang Jebat dapat menjadi aspirasi kepada generasi akan datang.

Saya berharap agar nilai-nilai terpuji yang terkandung dalam **TONGGAK 11** ini dapat mencetus satu pembaharuan dalam gerak kerja penjawat awam seterusnya membawa Negeri Melaka bergerak maju ke hadapan dengan lebih pantas dan efisien.



Seklas Pinang
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
DATUK WIRA ZAIDI BIN JOHARI

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

Alhamdulilah, saya menzahirkan kesyukuran di atas rahmat, inayah dan izinNya jua maka Buku Slogan Kerajaan Negeri Melaka **BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT** telah disempurnakan penerbitannya.

Adalah menjadi hasrat saya agar seluruh warga Perkhidmatan Awam Negeri Melaka khususnya, dapat memahami dan seterusnya menghayati serta menjiwai slogan **BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT** yang diilhamkan oleh YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka ini ke arah perkhidmatan awam yang cekap dan terunggul serta relevan dengan keperluan masa kini. Buku slogan Kerajaan Negeri Melaka ini merupakan panduan kepada setiap penjawat awam di negeri Melaka dalam memantapkan lagi tadbir urus serta tatakelola organisasi dalam usaha meningkatkan lagi sistem penyampaian bagi memenuhi kehendak dan tuntutan masyarakat.

Saya percaya sekiranya semua penjawat awam mengamalkan semangat **BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT** di samping mendokongi nilai-nilai murni **TONGGAK 11** dalam semua tindakan menjangkaui semua urusan rasmi dan tidak rasmi, sudah pasti kehebatan dan kegemilangan Melaka akan kembali diperkatakan di segenap pelusuk dunia.

Semoga penerbitan naskah ini berupaya melonjakkan tahap penghayatan Penjawat Awam Negeri Melaka kepada nilai-nilai murni yang digariskan dalam **TONGGAK 11** serta mempersiapkan seluruh Jabatan dan Agensi dalam mendepani cabaran pada masa kini. Berpaksikan kepada slogan **BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT**, marilah kita bersama-sama menghayati dan menerapkan nilai-nilai yang terkandung dalam naskah ini agar kita dapat membangun sebagai sebuah masyarakat yang bertamadun tinggi.

Akhir tinta, semoga penerbitan buku ini akan menjadi rujukan penting kepada seluruh Penjawat Awam Melaka khasnya dan Rakyat Melaka secara amnya.

Pendahuluan

“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”

Slogan merupakan frasa yang dikaitkan dengan idea yang disusun secara menarik agar penyampaian maksud menepati sesuatu matlamat. Selain dari slogan sedia ada iaitu “**Melakaku Majujaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia**”, kedinamikan pembangunan kerajaan Negeri Melaka pada hari ini memerlukan satu lagi slogan yang menamparkan ciri-ciri keaslian Negeri Melaka, berupaya membangkitkan semangat tinggi, berkarisma, realistik serta menjadi anjakan paradigma kepada satu perlambangan jatidiri baharu bagi Negeri Melaka.

Slogan baharu “**Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat**” adalah hasil ilham dan inspirasi YAB Datuk Seri Ab Rauf Bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Slogan baharu ini diangkat sebagai simbol dan lambang kehebatan serta kepahlawanan Melayu yang unggul, nama Hang Tuah dan Hang Jebat terpahat gagah dan terukir megah dalam lipatan sejarah dan keperwiraan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka abad ke-15.

Catatan sejarah membuktikan kegembilangan Negeri Melaka sebagai sebuah kerajaan maritim dan pusat perdagangan tersohor pada abad ke-15 di laluan Selat Melaka. Kemasyhuran Negeri Melaka terserlah apabila muncul sebagai empayar Kesultanan Melayu Melaka menguasai Selat Melaka dan penguasaan ke atas seluruh Semenanjung Tanah Melayu dari Singgora (Songkhla) hingga seluruh Kepulauan Riau, dan Pantai Timur Sumatera meliputi kawasan dari Aru hingga ke Jambi.

Lipatan sejarah juga membuktikan bahawa empayar Melaka pada masa itu adalah setanding dengan kerajaan hebat seperti Sriwijaya dan Majapahit serta meletakkan ia sebagai empayar kerajaan Islam yang pertama dalam sejarah Nusantara. Kemasyhuran Negeri Melaka pada abad ke-15 digambarkan begitu penting dan tersohor sebagai sebuah pusat perdagangan di sebelah timur dan setanding dengan Venice di Eropah.

Kegemilangan dan kehebatan era Kesultanan Melayu Melaka dikaitkan dengan kepahlawanan Laksamana Hang Tuah dan Hang Jebat. Tuah-Jebat adalah pahlawan terbilang dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka dan ia menjadi satu perlambangan keperwiraan bangsa Melayu.

Inspirasi slogan baharu “**Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat**” yang diangkat memaparkan kebijaksanaan Hang Tuah dan keberanian Hang Jebat dalam usaha memartabatkan imej dan citra kehebatan hulubalang Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.

Ia diterapkan dalam konteks pentadbiran kerajaan Negeri Melaka pada hari ini agar semangat yang wujud dalam Tuah-Jebat berupaya mencetus satu lonjakan yang luar biasa terutamanya melaksanakan tanggungjawab dan amanah tugas.

Ironinya; naratif slogan baharu ini boleh diterjemahkan dalam maksud yang tersirat, falsafah penerapan nilai-nilai terpuji yang dikenali sebagai **TONGGAK 11**, menjadi panduan kepada seluruh jabatan dan agensi di Negeri Melaka.

BIJAK LAKSANA TUAH

Bijak

Hang Tuah semasa zaman mudanya dilihat sebagai seorang yang memiliki **kebijaksanaan** yang luar biasa dan cepat mempelajari ilmu. Selepas khatam Al-Quran, Hang Tuah mempelajari nahu bahasa Arab, kemudian menguasai 12 bahasa antaranya bahasa Tamil, bahasa Siam, bahasa Cina dan bahasa Jawa serta bahasa Rom dan Turki.

Hang Tuah dianggap sebagai lambang intelektual bangsa Melayu dalam menguasai ilmu agama serta ilmu pertuturan bahasa asing. **Kebijaksanaan** dalam mempelajari ilmu bahasa asing penting sebagai asas persediaan Hang Tuah menjadi utusan raja dan duta kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Dalam masa yang sama, ketinggian ilmu dan **bijaksana** Hang Tuah sering menjadi rujukan kepada pembesar dalam memutuskan perkara yang penting. Umpamanya; Hang Tuah dijemput bermesyuarat oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak terlebih dahulu dalam usaha untuk pembinaan kapal dan akhirnya Hang Tuah yang memberikan nama kapal tersebut sebagai ‘Mendam Berahi’.

Hang Tuah juga **bijak** dalam mengatur strategi, sejak kecil lagi beliau telah menjadi ketua dalam memberi arahan kepada sahabat-sahabat ketika menghadapi serangan Ianun. **Kebijaksanaan** Hang Tuah terserlah dalam memberikan idea kepada Sultan ketika peristiwa melarikan Tun Teja dalam menghadapi ancaman Megat Panji Alam. Kejayaan berstrategi ketika menewaskan Megat Panji Alam memperlihatkan kewibawaan Hang Tuah sebagai ketua angkatan perang yang memiliki sifat kepimpinan yang tinggi. Hang Tuah memiliki **kebijaksanaan** intelek dengan menyumbangkan idea bernas walaupun berada dalam situasi getir.



Hang Tuah dilihat sebagai seorang pembesar yang sentiasa menjaga hubungan yang baik dalam institusi Kesultanan Melayu Melaka. Antaranya, sentiasa menunjukkan sifat baik budi pekerti, bijak mengolah hubungan dengan para pembesar. Di samping itu, Hang Tuah merupakan seorang yang taat setia, menurut perintah dan patuh kepada arahan, **berintegriti** tinggi dalam mendokong institusi Kesultanan Melayu Melaka.

Hang Tuah memiliki sikap **integriti** yang cukup tinggi terhadap institusi kesultanan. Beliau amat patuh yang memperlihatkan sifat taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap Sultan. Umpamanya; ketika beliau menghadapi fitnah yang dilemparkan oleh pembesar, Hang Tuah tetap akur dengan keputusan Sultan atas tuduhan walaupun ia masih belum dibuktikan sejauh mana kebenarannya.

Hang Tuah juga patuh kepada arahan pembesar yang lebih kanan dalam kerajaan iaitu Bendahara Paduka Raja. Beliau mengikut sahaja rancangan Bendahara tatkala selepas menerima arahan hukum bunuh oleh Sultan. Bendahara Paduka Raja telah mengarahkan agar Hang Tuah bersembunyi di Hulu Melaka dan berguru dengan Syeikh Mansur sehingga keadaan kembali terkawal.

Jatidiri

Hang Tuah merupakan lambang keperwiraan dan kepahlawanan Melayu sejati. Nilai **Jatidiri** Hang Tuah merupakan satu perlambangan bangsa Melayu sejati iaitu beliau melengkapkan diri dalam mempelajari ilmu agama dan dunia persilatan serta amalan kesantunan bahasa sebelum menjadi wakil kerajaan Melaka berhubung dengan dunia luar.

Bijaksana Hang Tuah diterjemahkan dengan kebolehan dalam ilmu persilatan, pertarungan dan kepintaran berhelah. **Jatidiri** Hang Tuah sebagai hulubalang Melaka dan kepahlawanan Melayu terserlah apabila dicabar, beliau tidak akan berganjak mahupun berundur tatkala diminta untuk beradu kekuatan dengan pihak lawan.

Hang Tuah telah ke Majapahit sebanyak empat kali mewakili kerajaan Kesultanan Melaka untuk menjalinkan hubungan diplomatik. Semasa di Majapahit, Hang Tuah bersama utusan Sultan menghadapi cubaan bunuh dan ujian daripada hulubalang Majapahit. Namun, **jatidiri** Hang Tuah sebagai hulubalang Kesultanan Melayu Melaka sentiasa diuji dan kehebatan ilmu persilatan Hang Tuah telah berjaya mengalahkan Taming Sari, pahlawan Majapahit yang terbilang di hadapan Sultan Melaka dan Betara Majapahit. Hasilnya; Betara Majapahit telah menghadiahkan keris Taming Sari miliknya kepada Hang Tuah dan sejak itu kerajaan Majapahit tidak menganggu Kesultanan Melayu Melaka. Betara Majapahit turut mengakui kehebatan **jatidiri** Hang Tuah bukan sahaja bijaksana tetapi merupakan lambang kepahlawanan Melayu Melaka, memiliki ilmu persilatan serta mahir menggunakan senjata dalam apa juar pertarungan.

Hatta, **jatidiri** yang ada pada diri Hang Tuah bukan sahaja hebat dalam ilmu persilatan tetapi ia juga merupakan perlambangan kepada ketinggian budaya bangsa Melayu yang penuh dengan adab kesantunan serta tertib adatnya. Umpamanya; ketika Hang Tuah mengadap pemerintah Jeddah bernama Malik Rastal, beliau begitu tertarik dan kagum dengan ketinggian budi pekerti dan bahasa yang dimiliki oleh Hang Tuah.

Manakala ketika berada di Benua Rom, Shahbandar yang mengunjungi Hang Tuah ketika itu juga tertarik dengan kefasihan, budi bahasa dan kehalusan tutur kata beliau. Hang Tuah juga telah menarik minat pemerintah di Benua India, Raja Kisna Rayan untuk menjadikan beliau sebagai wakil perutusan ke Benua China.

Kehebatan Hang Tuah dalam berdiplomasi sebenarnya telah mengangkat **jatidiri** dan martabat budaya bangsa Melayu yang memiliki keperibadian yang tinggi serta disulami dengan kesantunan dalam berbicara.

Antarabangsa

Hang Tuah merupakan ikon **antarabangsa** dan menjadi duta kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ketika berhubung dengan pihak luar. Kebolehan menguasai pelbagai bahasa dan bijaksana dalam seni diplomasi telah membolehkan Hang Tuah menjadi orang kepercayaan Sultan Melaka untuk mengetuai misi Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka berhubung dengan pihak luar.

Peristiwa semasa Hang Tuah yang diutus ke Benua Siam oleh Sultan Melaka untuk membeli enam ekor gajah, Hang Tuah yang memiliki ketinggian ilmu, kebijaksanaan, kehalusan budi bahasa, dan keperwiraannya serta kebolehan berbahasa Siam telah menawan hati Raja Siam Phra Chau sehingga mendapat pujian, anugerah dan persalinan daripada Baginda.

Dalam masa yang sama, seni diplomasi yang luar biasa serta kebijaksanaan akal Hang Tuah, iaitu tidak perlu merangkak mengadap Raja Siam seperti kebiasaan rakyat Siam tetapi hanya duduk menyembah seperti adat orang Melayu menunjukkan simbolik kerajaan Kesultanan Melayu Melaka adalah setanding dengan Kerajaan Siam. Ia sekaligus mengangkat martabat Kerajaan Melayu Melaka sebagai sebuah empayar yang dihormati pada masa itu.

Kearifan seni diplomasi, kefasihan komunikasi serta ketekalan adat susila Hang Tuah telah berjaya mengangkat imej kehebatan jalinan hubungan luar kerajaan Kesultanan Melayu Melaka di persada **antarabangsa**.

Kehormatan

Kehebatan dan kebijaksanaan diplomasi kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang dipimpin oleh Laksamana Hang Tuah berjaya menjalinkan hubungan luar dengan kerajaan besar seperti Majapahit, Siam, India, China, Rom, Turki dan Jepun sebagaimana tercatat dalam lipatan sejarah. Ia merupakan satu penghormatan yang tinggi dalam hubungan antarabangsa Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dengan pihak luar. Ia secara tidak langsung menunjukkan kuasa besar telah mengiktiraf kerajaan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang hebat dan unggul.

Kebijaksanaan Hang Tuah dalam berdiplomasi telah menarik minat Raja India iaitu Raja Kisna Ryan untuk melantik Hang Tuah sebagai wakil utusan membawa surat dan bingkisan ke negara China. Pelantikan Hang Tuah selaku wakil kepada kerajaan India ke China merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan yang sangat luar biasa diterima oleh seorang Laksamana kerana mewakili empayar besar India ke China yang juga merupakan antara empayar yang kuat pada masa tersebut.

Peristiwa perutusan surat kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan kerajaan Ryukyu (kini dikenali sebagai Okinawa) adalah bukti **kehormatan** kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dipandang begitu tinggi dan diiktiraf oleh kuasa luar. Rekod menunjukkan sebanyak 19 pucuk surat telah diutuskan oleh Kerajaan Ryukyu ke Melaka manakala 11 pucuk surat dari Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka kepada pihak Ryukyu. Surat yang diutuskan ke Kerajaan Ryukyu telah ditulis sendiri oleh Hang Tuah mewakili Sultan Alauddin Riayat Shah pada 1480 dan 1481 menunjukkan kebijaksanaan ilmu hubungan dua hala yang menandakan penghormatan dunia luar terhadap Kesultanan Melayu Melaka.

BERANI LAKSANA JEBAT



Kepahlawanan Hang Jebat sering dikaitkan dengan perlambangan dalam memperjuangkan keadilan serta memiliki pekerti nilai setiakawan yang cukup tinggi. Ciri-ciri kepahlawanan semasa zaman muda Hang Jebat terserlah apabila digambarkan begitu hebat menggunakan senjata bersama-sama dengan empat sahabatnya, iaitu Hang Tuah, Hang Kasturi, Hang Lekir, dan Hang Lekiu sehingga mampu menikam lima orang musuh sehingga terduduk rebah dan tidak mampu berlawan semula.

Walaupun usia Hang Jebat masih muda, dia digambarkan sangat **berani** dalam tindakan apabila berdepan dan berjaya menewaskan pihak musuh, beliau menyatakan kepada pihak musuh agar memohon maaf termasuk sahabat-sahabatnya. Keberanian tindakan dan kata-kata Hang Jebat pada ketika itu cukup jelas menunjukkan sikapnya yang mampu untuk mempertahankan diri dengan ilmu persilatan dan senjata yang dimilikinya.

Sikap **berani** Hang Jebat juga ditunjukkan semasa beliau bertindak memerangi para pembesar yang menabur fitnah terhadap Hang Tuah.

Empati

Tatkala Hang Jebat mengetahui Hang Tuah telah dijatuhkan hukuman oleh pihak istana. Beliau amat dukacita mengenangkan nasib sahabat dan saudaranya Hang Tuah yang dikenali sebagai seorang yang cukup patuh dan taat setia kepada Sultan, akibat angkara fitnah yang dilontarkan oleh pembesar istana telah menyebabkan Hang Tuah menerima hukuman yang tidak sepatutnya berlaku.

Perasaan **empati** Hang Jebat digambarkan ketika beliau telah mengunjungi isteri dan anak Hang Tuah walaupun sahabat-sahabat lain tidak datang menziarahi keluarga Hang Tuah kerana percaya akan fitnah yang dilemparkan oleh pembesar istana terhadap Hang Tuah. Sifat **empati** yang ditunjukkan oleh Hang Jebat terhadap Hang Tuah memberi maksud kepada sebuah nilai setiakawan yang cukup tinggi.

Rasional

Hang Jebat bertindak secara **rasional** dalam setiap keputusan yang telah dibuat. Apabila Hang Jebat mengetahui bahawa Hang Tuah sebenarnya telah difitnah oleh Patih Karma Wijaya kononnya bermukah dengan perempuan istana, dan Sultan tanpa usul periksa telah mengarahkan Bendahara Tun Perak untuk menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Hang Tuah. Maka, Hang Jebat telah menerima pelantikan sebagai Laksamana dari Sultan kerana beliau percaya dengan cara sedemikian akan memudahkan lagi tugas untuk memerangi pembesar-pembesar yang telah menfitnah Hang Tuah. Hasilnya; Hang Jebat berjaya memerangi pembesar-pembesar yang sering membuat fitnah dan mengadu domba dalam istana.

Hang Jebat dilihat sebagai seorang yang **rasional** dalam tindakan dan bukan dilihat sebagai penentang sistem pemerintahan beraja. Semasa menduduki istana, beliau tidak pernah menghalau Sultan dan jauh sekali dari mengisyiharkan dirinya sebagai Sultan. Peristiwa ketika Sultan meninggalkan istana adalah atas nasihat isteri baginda iaitu Tun Teja untuk menetap di rumah Bendahara Paduka Raja.

Azam

Keazaman yang tinggi ditunjukkan oleh Hang Jebat ketika berdepan dengan pihak musuh. Keberanian Hang Jebat terserlah dengan daya **azam** yang tinggi untuk menewaskan setiap musuh. Antaranya; peristiwa ketika berdepan dengan Megat Panji Alam yang terkenal dengan ilmu kebal diri. Hasilnya, pertarungan sengit telah berlaku dan akhirnya Megat Panji Alam mati ditikam oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi di istana Raja Inderapura. Megat Kembar Ali yang kesal dengan kematian Megat Panji Alam cuba mencabar Hang Jebat dan Hang Kasturi namun, beliau akhirnya turut tewas dalam pertarungan tersebut.

Apabila Hang Jebat menguasai istana, beliau **berazam** untuk menghapuskan dalang yang menyebarkan fitnah terhadap Hang Tuah. Apa yang dilakukan adalah untuk menuntut bela atas kematian Hang Tuah dan mencabar sesiapa yang ingin beradu kekuatan sehingga Patih Karma Wijaya dan pembesar-pembesar istana yang lain juga tidak mampu menyaangi kekuatan yang dimiliki oleh Hang Jebat.

Niat suci

Niat suci Hang Jebat adalah bertanggungjawab mencari kebenaran dalam menegakan keadilan untuk Hang Tuah. Prinsip setiakawan yang tinggi menyebabkan Hang Jebat tidak gentar dan berani untuk berdepan dengan sesiapa sahaja kerana beliau yakin dan percaya bahawa Hang Tuah tidak bersalah dan dihukum kerana angkara fitnah.

Peristiwa keberanian Hang Jebat digambarkan semasa Patih Karma Wijaya mengarahkan orang ramai untuk pergi membunuh Hang Jebat dan mereka ke istana lalu mengepung kawasan tersebut dan mengarahkan Hang Jebat untuk keluar dari istana untuk bertempur. Semangat kepahlawanan yang ada dalam diri Hang Jebat membuatkan dirinya tidak gentar untuk berdepan dengan sesiapa sahaja sehingga tiada siapa yang berani menyahut cabaran tersebut.

Inspirasi

Hang Jebat digambarkan sebagai seorang yang berprinsip dan beliau sentiasa bersiap sedia menghadapi pihak lawan. Hang Jebat telah memecah tradisi dalam sistem pemerintahan feudalisme dalam kalangan orang Melayu pada masa itu. Hang Jebat berani menentang ketidakadilan meskipun ianya berpunca dari pihak istana.

Namun, demi sebuah persahabatan dan setiakawan kepada Hang Tuah, Hang Jebat bangkit menegakan kebenaran kerana beliau percaya bahawa apa yang dilakukannya adalah tindakan yang wajar demi menegakan sebuah keadilan.

Ironinya; **inspirasi** peristiwa penentangan Hang Jebat terhadap ketidakadilan telah membawa kepada corak perubahan pemikiran. Keberanian Hang Jebat mencabar tampuk feudalisme telah membawa kepada **inspirasi** anjakan paradigma, ia merupakan lambang pencetus kepada aliran pemikiran dan perubahan yang baharu.

TONGGAK 11

Pendahuluan

Asas kepada pertimbangan mengangkat kerangka analitikal prinsip ataupun dijadikan sebagai tonggak panduan, ia perlu diteliti dalam korpus yang sesuai bersandarkan kepada latar sosiobudaya dan kemasyarakatan agar ia menepati matlamat dasar. Umpamanya; di negara Jepun, nilai yang wujud dalam kod kepahlawanan *Bushido* yang dipraktikkan oleh golongan bangsawan dan samurai pada zaman pertengahan Jepun adalah bertujuan untuk membangkitkan sifat kesetiaan, sedia berkorban dan keikhlasan dalam melaksanakan setiap tanggungjawab.

Dalam menelusuri sejarah peradaban masyarakat Jepun, nilai-nilai dan prinsip-prinsip *Bushido* golongan pahlawan Samurai telah diterapkan dan diangkat menjadi panduan kepada pembentukan jatidiri serta membawa kepada penciptaan satu gerak kerja masyarakat Jepun moden. Perubahan yang cukup luar biasa ini telah berjaya mengubah Jepun menjadi sebuah negara yang maju dan kuat dalam mengimbangi kuasa barat pada era pasca perang dunia kedua.

Antara 8 prinsip yang terkandung dalam semangat kod *Bushido* (way of warrior) adalah **Integriti, Keberanian, Kemurahan Hati, Menghormati, Kejujuran, Kehormatan, Kesetiaan** dan **Kawal Diri**. Nilai-nilai ini telah diterjemahkan dan dipraktikkan dalam konteks keseluruhan masyarakat Jepun sehingga ke masa kini.

Natijahnya; semangat dan amalan prinsip-prinsip *Bushido* dan *Kaizen* yang diterapkan dalam budaya kerja telah berjaya mentransformasi Negara Jepun menjadi sebuah negara maju dan makmur.

Dalam konteks kerajaan Melaka pada masa kini, di sebalik slogan baharu “**Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat**”, ia digarap melalui nilai-nilai terpuji yang ada pada Hang Tuah dan Hang Jebat yang terkenal sebagai pahlawan Melayu tersohor dalam lipatan sejarah Kesultanan Melayu Melaka abad ke-15.

Nilai **Bijak** dan **Berani** yang terdapat dalam diri Hang Tuah dan Hang Jebat diolah menerusi Hikayat Hang Tuah untuk dijadikan teras panduan yang dikenali sebagai **Tonggak 11** melalui naratif hikayat tersebut. **Tonggak 11** yang terkandung dalam frasa **Bijak-Berani** merupakan nilai-nilai murni, menyemai amalan sikap yang baik dan positif. Ia diterjemahkan dan diaplikasikan kepada apa jua bentuk gerak kerja mahupun tindakan demi membawa kepada pencapaian matlamat sesebuah organisasi, jabatan serta agensi secara keseluruhannya.



BIJAK



B -

BIJAK MEMBUAT KEPUTUSAN



I -

INTEGRITI SENTIASA DIUTAMAKAN



J -

JATIDIRI WARISAN DAN BUDAYA BANGSA



A -

ANTARABANGSA MELAKA DI MATA DUNIA



K -

KEHORMATAN DAN PENGIFTIRAFAN

BERAN



B -

BERANI DAN BERPRINSIP



E -

EMPATI DAN CAKNA PERSEKITARAN



R -

RASIONAL DALAM PERTIMBANGAN



A -

AZAM TINGGI KEMAJUAN DIRI



N -

**NIAT SUCI MELAKSANAKAN
TANGGUNGJAWAB**



I -

INSPIRASI KEPADA TRANSFORMASI SEMASA

NARATIF KHUSUS TONGGAK 11

BIJAK

Bijak membuat keputusan

- PERTIMBANGAN BERASASKAN PRIORITI
- ANALISIS RISIKO
- PANTAS DAN TEPAT

Integriti sentiasa diutamakan

- **BERDISIPLIN TINGGI**
- **AMANAH**
- **TELUS**

Jatidiri warisan dan budaya bangsa

- **HAYATI SEJARAH BANGSA**
- **PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN**
- **MENYANJUNG SENI DAN BUDAYA TEMPATAN**

Antarabangsa Melaka di mata dunia

- **MINDA BERKEMAHIRAN TINGGI**
- **PRASARANA KELAS PERTAMA**
- **PRODUK DAN INOVASI BERTARAF DUNIA**

Kehormatan dan pengiktirafan

- MENGANGKAT KEGEMILANGAN WARISAN
- TUMPUAN JENAMA DUNIA
- PENGIKTIRAFAN LOKAL DAN GLOBAL

NARATIF KHUSUS TONGGAK 11

BERANI

Berani dan berprinsip

- TEGUH PENDIRIAN
- TIDAK MUDAH BERALAH
- AKAUNTABILITI

Empati dan cakna persekitaran

- PRIHATIN KEPADA PERMASALAHAN
- RESPONSIF TERHADAP ISU-ISU
- PENYELESAIAN DALAM MASA SINGKAT

Rasional dalam pertimbangan

- MEMUDAHCARA PROSEDUR
- MENJIMATKAN KOS DAN MASA
- TINDAKAN ADIL DAN SAKSAMA

Azam tinggi kemajuan diri

- MENJIWAI DERIA KECEMERLANGAN
- BERILITZAM TINGGI MENAMBAH ILMU
- SIAP SIAGA MELAKSANA INISIATIF

 iat suci melaksanakan tanggungjawab

- SETIAKAWAN
- IKHLAS
- BERDEDIKASI

Inspirasi kepada transformasi semasa

- **MERINTIS KEMAJUAN SAINS DAN TEKNOLOGI TERKINI**
- **MEMBANGUN ANALITIS DATARAYA**
- **MEMANFAATKAN KEPINTARAN BUATAN**

Rumusan

Slogan baharu “**Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat**” mendokong aspirasi nilai-nilai semangat keperwiraan Hang Tuah dan Hang Jebat dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hang Tuah dan Hang Jebat bukan sekadar dinilai melalui perspektif kepahlawanan yang disanjung tinggi, tetapi ia merupakan simbol kebangsaan serta kebanggaan bangsa Melayu sepanjang zaman. Kebijaksanaan Hang Tuah dan Keberanian Hang Jebat telah membawa Negeri Melaka muncul sebagai sebuah empayar tersohor di nusantara pada abad yang ke-15.

Hang Tuah dan Hang Jebat diangkat bagi mengembalikan ketokohan hulubalang Melayu yang terbilang dalam era kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Slogan baharu “**Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat**” berupaya menjadi pemangkin dalam mencetus dan menyemai idealisme baharu serta memupuk semangat baharu. Kekuatan slogan baharu ini berupaya mencetus dan mengembang kepada sebuah pasukan yang kuat, menzahirkan gerak kerja yang lebih bersemangat, bertenaga, padu dan mantap.

Penerapan nilai-nilai terpuji **TONGGAK 11** terutamanya dalam menjiwai nilai Kebijaksanaan Tuah dan nilai Keberanian Jebat sebagaimana terkandung dalam slogan baharu “**Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat**”, berupaya mencetus natijah keberhasilan tinggi serta impak maksimum dalam seluruh jentera pentadbiran dalam semua jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Melaka.

Dirgahayu slogan baharu “**Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat**” terus memacu kelestarian, kemampunan serta kemakmuran Negeri Melaka ke arah yang lebih dinamik dan progresif.

Rujukan

Abu Bakar Hamid dan Zainal Abidin Borhan, 2017. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan.

Ahmad Sarji, 2004. *Hang Tuah: Tokoh Epik Nasional*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.

Mohd Jamil Mukmin, 2008. *Hang Tuah sebagai Wira dan Duta Kesultanan Melayu Melaka*. Batu Berendam: Penerbit Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme (IKSEP).

Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin, 2015. *Hang Tuah Catatan Okinawa*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Rohaidah Kamaruddin, Hashim Musa dan Shamsull Kamar Ahmad, 2018. *Hang Tuah Catatan Vijayanagara*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Siti Hawa Salleh (penterjemah), 2012. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.

Tim Clark. *The Bushido Code: The Eight Virtues of The Samurai*. dipetik dalam <https://china.usc.edu/sites/default/files/forums/Samurai%20and%20the%20Bushido%20Code.pdf> .



Diterbitkan oleh:
Institut Tun Perak dan Pejabat Ketua Menteri Melaka




INSTITUT TUN PERAK
اینسٹیتوت تون پیراک
MEMARTABAT MINDA/MENSEJAHTERA RAKYAT



Pejabat Ketua Menteri Melaka

ISBN 978-983-2600-52-7



9 789832 600527